


Analisa Pengguna Pangkalan Data PsycARTICLES 2008 - 2009

ISSN: 1823-4879 JILID 5 BIL 2 Jul-Dic 2009



Graf di atas merupakan perbandingan penggunaan pangkalan data PsycARTICLES pada tahun 2008 dan 2009. Analisa ini menunjukkan peningkatan penggunaan pangkalan data ini pada tahun berikutnya. Walaubagaimanapun, graf menunjukkan penurunan angka penggunaan pada musim cuti semester iaitu bulan November dan Disember. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan penggunaannya. Antara faktor yang utama adalah program latihan penggunaan pangkalan data yang kerap dianjurkan oleh pihak Perpustakaan. Latihan telah diberikan kepada kakitangan Perpustakaan yang melibatkan kumpulan

kakitangan sokongan dan Pustakawan. Penglibatan kedua-dua kumpulan ini memberikan kesan yang positif terhadap trend penggunaan pangkalan data ini dikalangan pengguna. Kesedaran dan kemahiran yang diperolehi semasa latihan membolehkan mereka memberi khidmat nasihat, tunjuk ajar dan cadangan yang baik kepada pengguna. Selain itu, program latihan pangkalan data juga telah melibatkan para akademik dan pelajar sebagai peserta. Ini membolehkan promosi secara langsung berkaitan dengan cara penggunaan pangkalan data dan kepentingannya kepada mereka dalam membantu proses pembelajaran dan pengajaran. Seterusnya, secara tidak langsung kakitangan akademik dan pelajar menjadi agen promosi kepada salah satu perkhidmatan yang disediakan Perpustakaan.